

Koleksi Amalan Baik

INISIATIF PENCEGAHAN RASUAH, INTEGRITI DAN TATAKELOLA

UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM

EDISI TAHUN 2025

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



Petunjuk Isi

(1) Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP)	
• KIT INTEGRITI USAHAWAN (AB 1)	4-5
(2) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	
• PENGANUGERAHAN SIJIL “KOMPETENSI BERASASKAN INTEGRITI” KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) (AB 2)	6-7
(3) Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)	
• KOD SUKAN SELAMAT (AB 3)	8-9
(4) Jabatan Kerja Raya (JKR)	
• MYSTERY SHOPPING (AB 4)	
• SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) JKR (AB 5)	10-12
(5) Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)	
• SISTEM KAWALAN AKAUNTABILITI INTEGRITI (SKAI) (AB 6)	13-14
(6) Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)	
• POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (AB 7)	15-16
(7) Majlis Perbandaran Sepang (MPSEPANG)	
• SISTEM MYINTEGRITY MPSEPANG (AB 8)	
• KOMUNITI BELIA ANTIRASUAH (KOMBAT) (AB 9)	17-19
(8) Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia (SKMM)	
• GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DAN TANGGUNGJAWAB PEKERJA SURUHANJAYA (AB 10)	20-21
(9) Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	
• PELAKSANAAN SAHABAT INTEGRITI (AB 11)	22-23
(10) Majlis Amanah Rakyat (MARA)	
• SISTEM PERTANYAAN INTEGRITI SECARA ATAS TALIAN : ATUR (ANDA TANYA UI RESPON) (AB 12)	24-25
•	
(11) Institut Sukan Negara (ISN)	
• SALURAN ADUAN INTEGRITI (SAI) (AB 13)	
• KOD BEBAS EKPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL (AB 14)	26-28
(12) Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)	
• PEMERIKSAAN MENGEJUT (AP 309) (AB 15)	29-30



“Tanpa kekuatan, pentadbiran dan pimpinan serta jentera yang tunduk kepada prinsip perundangan, ketelusan, integriti dan amanah, tidak mungkin kita boleh pacu pertumbuhan yang lebih menyegarkan” - Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia

**Ucaptama Perdana Menteri pada Persidangan Malaysia Mengenai
Integriti Dan Tadbir Urus Tahun 2025**



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.kuskop.gov.my atau hubungi Unit Integriti KUSKOP melalui e-mel **integriti@kuskop.gov.my**



KIT INTEGRITI USAHAWAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

PENGENALAN



Kit Integriti Usahawan merupakan satu set modul atau manual yang dibangunkan oleh **Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP)** sebagai panduan kepada usahawan untuk memahami, menghayati serta membudayakan nilai integriti, etika dan antirasuah dalam setiap aspek pengurusan serta operasi perniagaan, bagi melahirkan usahawan yang berwibawa, beramanah dan mampu mewujudkan persekitaran perniagaan yang kukuh dan beretika.

PUNCA KUASA



Memo Cadangan daripada Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK) kepada Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) atas Cadangan Kit Integriti Usahawan.

**DIMUAT
NAIK**



**KE PORTAL
KUSKOP**

pada 4/9/2023 dan diedar kepada semua agensi untuk digunakan dalam semua program latihan keusahawanan.

OBJEKTIF KIT

1

Memberikan pendedahan kepada kementerian dan para usahawan tentang bentuk kesalahan-kesalahan berkaitan rasuah yang sentiasa menjadi risiko besar penjawat awam dan para usahawan.

2

Mendidik setiap warga untuk sentiasa menitikberatkan integriti dalam urusan tugas dan juga perniagaan.

TERLIBAT DALAM PROSES PEMBANGUNAN KIT INTEGRITI USAHAWAN



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mohe.gov.my atau hubungi Unit Integriti KPT melalui e-mel integriti.kpt@mohe.gov.my



PENGANUGERAHAN SIJIL "KOMPETENSI BERASASKAN INTEGRITI"

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

OBJEKTIF

Pengiktirafan kepada warga KPT yang mengamalkan integriti tinggi dalam tugas rasmi serta menjauhi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Motivasi & dorongan ke arah memperkukuhkan integriti dan tadbir urus

OBJEKTIF

Memberi penghargaan atas usaha yang dilakukan Pegawai KPT

Menjadi contoh serta memberi pengaruh kepada amalan budaya kerja berintegriti

JAWATANKUASA PANEL PENILAI PENGIKTIRAFAN INTEGRITI KPT



Membuat penilaian ke atas calon-calon yang berpotensi diberi pengiktirafan integriti yang dicalonkan oleh Unit Integriti, Ketua Jabatan, Agensi dan Bahagian di bawah KPT berdasarkan kriteria dan syarat kelayakan pemilihan



Memperakukan cadangan penerima pengiktirafan untuk pertimbangan Ketua Setiausaha KPT



Membincangkan isu-isu berhubung pengiktirafan integriti dan memberikan syor kepada Ketua Setiausaha KPT.

BILANGAN PENERIMA ANUGERAH

TAHUN 2022 - 17 orang

TAHUN 2023 - 1 orang



BERKAS PENCALONAN ANUGERAH SIJIL PENGIKTIRAFAN "KOMPETENSI BERASASKAN INTEGRITI" KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2023	
NOMOR A. MAKLUMAT CALON	
Nama Calon	
No. Kad Pengiraan	
Jawatan dan Unit	
Tahap Pendidikan	
Status Perkhidmatan (Tetap / Kontrak / Persekutuan)	
Bahagian	
No. Telefon Pejabat dan Rumah	
Alamat Tempam Tinggal	
Tempat berkhidmat di KPT	

KRITERIA PEMILIHAN

- Melaporkan pelanggaran tatakelakuan sehingga membawa kepada Laporan Pengesanan dan Pengesanan, penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalaman, atau Kertas Pertimbangan Tatatertib; atau
- Memberi kerjasama dalam tindakan pengesanan dan pengesanan oleh Unit Integriti KPT, Jawatankuasa Siasatan Dalaman, atau pihak berkaitan; atau
- Mengambil sebarang tindakan korektif, preventif dan proaktif bagi mengelakkan kerugian berterusan atau mengelakkan reputasi dan nama baik KPT dan Perkhidmatan Awam terjejas.

SYARAT KELAYAKAN

Terbuka kepada semua kategori pegawai yang berkhidmat di Agensi / Jabatan Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, iaitu Bahagian / Unit di KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) secara tetap, kontrak atau sementara;

Pegawai yang bertukar / bersara masih layak diberi pengiktirafan atas inisiatif semasa berkhidmat di KPT;

Pengiktirafan adalah atas nama pegawai dan bukannya atas nama Jabatan / Bahagian / Unit;

Tiada had bilangan penerima penghargaan pada satu-satu tahun; dan

Pegawai memberi persetujuan untuk diuar-uarkan sebagai penerima anugerah tersebut ataupun menerima anugerah dalam majlis tertutup.





KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.kbs.gov.my atau hubungi Unit Integriti KBS melalui e-mel integriti@kbs.gov.my

Kod Sukan Selamat merupakan suatu garis panduan yang dibangunkan bagi memberi panduan mengenai persekitaran sukan yang selamat serta peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam menangani gangguan dan penderaan dalam sukan.

OBJEKTIF

- ➔ Memberi panduan dan rujukan kepada semua Komuniti Sukan mengenai skop sukan selamat dan tanggungjawab Komuniti Sukan secara jelas dan menyeluruh
- ➔ Melindungi Komuniti Sukan daripada sebarang bentuk penderaan, gangguan dan keganasan dalam sukan yang menjejaskan kesihatan mental dan fizikal
- ➔ Mengukuhkan aspek integriti dalam tadbir urus Badan Sukan dan ekosistem sukan Malaysia secara keseluruhan
- ➔ Memupuk dan memastikan nilai positif dalam sukan selamat diamalkan dan dilaksanakan dalam setiap Aktiviti Sukan di semua peringkat
- ➔ mempromosi dan memberi kesedaran kepada semua Komuniti Sukan bagi mewujudkan persekitaran sukan yang selamat



PENGURUSAN ADUAN



TERIMA ADUAN SALAH LAKU

Organisasi/Badan Sukan perlu menguruskan aduan mengikut:

- Prosedur dalaman, atau
- Polisi persekutuan antarabangsa sukan Tersebut.



ADUAN KEPADA PIHAK BERKUASA / ORGANISASI LAIN

Semua aduan akan diselesaikan mengikut tatacara dan prosedur pihak berkenaan (rujuk Perkara 8 Kod).



LAPOR SEGERA SALAH LAKU TERHADAP KANAK-KANAK

Kewajipan undang-undang:

- Sesiapa yang tahu atau syak ada salah laku mesti maklumkan kepada pihak berkuasa segera.
- Kegagalan melapor = boleh dikenakan tindakan undang-undang.



MAKLUMAT LAPORAN POLIS / PROSIDING MAHKAMAH

Jika tahu ada laporan polis atau kes mahkamah terhadap jurulatih / anggota badan sukan, boleh maklumkan kepada Pesuruhjaya Sukan untuk tindakan lanjut.

BERKUATKUASA 14 Mac 2023

GANGGUAN SALAH LAKU
SEKSUAL BULI PSIKOLOGI

SKOP SALAH LAKU

ANTUN SEKSUAL SALAH LAKU
(SEXUAL GROOMING) FIZIKAL

PENYALURAN ADUAN



POLIS DIRAJA MALAYSIA



BADAN-BADAN SUKAN



MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA



Paralympic Council MALAYSIA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN





JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.jkr.gov.my atau hubungi Unit Integriti Jabatan kerja Raya Malaysia (JKR) melalui e-mel integriti@jkr.gov.my



MYSTERY SHOPPING

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR)

Mystery Shopping (MS) ialah satu kaedah penilaian yang dilaksanakan oleh Unit Integriti (UI) secara mengejut tanpa dimaklumkan terlebih dahulu kepada pejabat JKR yang terlibat bagi mengukur tahap kualiti perkhidmatan, pematuhan peraturan serta mengumpul maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan JKR. Kaedah ini memberi peluang kepada pengurusan JKR untuk mendapatkan maklum balas berasaskan pengalaman sebenar pelanggan terhadap cara perkhidmatan disampaikan, di samping memantau pematuhan terhadap garis panduan, peraturan serta arahan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.




PUNCA KUASA

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2008, "Panduan Pengurusan Perhubungan Awam"

menjelaskan pendekatan agensi kerajaan dalam meningkatkan hubungan dengan pelanggan secara lebih responsif, cekap dan berkesan.

CARTA ALIR MS



KAEDAH MS

PEMERHATIAN

SOAL
SELIDIK

TEMUBUAL

PANGGILAN
TELEFON

IMPAK



Menilai prestasi sistem penyampaian perkhidmatan



Meningkatkan standard serta amalan terbaik penyampaian perkhidmatan



Mampu melangkaui ekspektasi pelanggan selaras dengan transformasi jabatan

PEMATUHAN

Hanya digunakan sebagai kaedah pengukuran kajian kepuasan pelanggan sebagai penilaian terhadap pematuhan Arahan / Peraturan yang sedang berkuatkuasa. Pelanggaran terhadap Arahan / Peraturan akan disyorkan tindakan tatatertib



SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR)/ABMS

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR)

APA ITU SPAR??



Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) merupakan sistem pengurusan yang tersusun dan berasaskan dokumen panduan bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan, pengesanan serta tindak balas terhadap perlakuan rasuah. Sistem ini juga memastikan pematuan kepada keperluan ISO 37001:2016 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009).



TARIKH BERKUATKUASA
14 JANUARI 2022

PENSIJILAN ISO 37001:2016 membantu jabatan dalam melaksanakan pembanteras rasuah ke arah tadbir urus yang baik.

OBJEKTIF SPAR

Pematuhan Terhadap Pelaksanaan Integrity Pack Dalam Perolehan

Pengurusan Aduan Salah Laku Yang Cekap dan Telus

Pelaksanaan Program Latihan Dan Kesedaran SPAR

Pelaksanaan Kursus Dalam Pengurusan Projek/ Aset Dan Pentadbiran Kontrak


SKOP PEMATUHAN



Dokumen panduan pelaksanaan pengurusan antirasuah bagi mencegah, mengesan dan memberi respon kepada perlakuan rasuah serta pematuan kepada keperluan ISO 37001:2016 ABMS dan ASPRM 2009.

PEMBANGUNAN

SPAR



SPAR dilaksanakan di semua 22 Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia dan 2 JKR Negeri terpilih iaitu JKR WP Kuala Lumpur dan JKR Negeri Sembilan

Matlamat Pelaksanaan SPAR



KEBAIKAN PENSIJILAN SPAR

- Deklarasi kepada pelanggan, pemegang taruh (stakeholders), dan lain-lain bahawa organisasi adalah komited dalam mengamalkan operasi perniagaan yang beretika dan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka terhadap organisasi.
- Memberi *substantial competitive advantage* kepada organisasi.
- Membantu organisasi dalam melaksanakan inisiatif pencegahan rasuah dan kawalan dalaman yang komprehensif dalam mengurangkan risiko rasuah serta cara bagaimana hendak menangannya sekiranya berlaku.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Untuk maklumat lanjut, sila layari bomba.gov.my atau hubungi Unit Integriti JBPM melalui e-mel integriti@bomba.gov.my



SISTEM KAWALAN AKAUNTABILITI INTEGRITI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) adalah satu dimensi baru bertujuan untuk mewujudkan kawalan terhadap akauntabiliti dan integriti bagi memperkasakan integriti di kalangan warga **Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** di bawah punca kuasa yang diperuntukkan oleh Peraturan 3C(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang memberikan tanggungjawab pengawalan tatakelakuan kepada seseorang penyelia.

TUJUAN SKAI



Memperkasakan akauntabiliti dan integriti sebagai sebuah organisasi kebombaian dan penyelamatan yang berprestasi tinggi melalui sistem penyeliaan yang berkesan.



Menyediakan langkah-langkah pencegahan bagi mengawal dan memantau salah laku pegawai

SKOP KETEKUNAN WAJAR

Memberikan khidmat nasihat termasuk kaunseling kepada pegawai yang bermasalah dan merujuk kepada Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)



Mengawalselia, membimbing dan mengambil langkah penambahbaikan supaya integriti pegawai sentiasa terpelihara setiap masa



Mewujudkan jalinan perhubungan yang harmoni di kalangan semua peringkat



2015

87

90

2016

55

2024

IMPAK

Menurunkan **BILANGAN KES** tindakan tatatertib dari tahun 2016 sehingga 2024

berdasarkan konsep

MAHABBAH

iaitu **menyayangi saudaranya sendiri sebagaimana ia menyayangi dirinya** sendiri dalam pelaksanaan SKAI iaitu merujuk kepada tindakan penyelia yang diambil terhadap pegawai di bawah seliaannya. **Penyelia** selaku pegawai yang bertanggungjawab terhadap pegawai seliaannya akan **menegur dan mengambil tindakan awal terhadap mana-mana pegawai yang melanggar peraturan** bagi memastikan ianya tidak lebih parah yang boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib.

PELAKSANAAN



IKRAR

Penyelia dan pegawai yang diselia

KUMPULAN SKAI

Sistem Pencegahan perlu dilaksanakan oleh penyelia terhadap pegawai yang diselia supaya tidak terlibat dalam aktiviti tidak sihat dan bertentangan dengan peraturan.

TINDAKAN PENGESANAN INTEGRITI

Tanggungjawab penyelia untuk memantau;
a) Disiplin pegawai di bawahnya
b) Membuat pengesanan awal
c) Membuat pencegahan awal daripada salah laku yang lebih serius

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

Tindakan yang bukan bersifat tatatertib terhadap pegawai yang diselia atas kesalahan-kesalahan kecil yang memerlukan tindakan segera, bersifat mendidik dan mencegah

SURAT PERINGATAN

Amaran secara bertulis bagi kesalahan-kesalahan kecil, tidak menjejaskan imej jabatan dan tidak berulang.



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.customs.gov.my atau hubungi Unit Integriti JKDM melalui e-mel ketua.integriti@customs.gov.my



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

PENGENALAN:

- Polisi ini diwujudkan bagi melindungi pemberi maklumat yang melaporkan kesalahan atau ketidakwajaran yang berlaku dalam JKDM.
- Polisi ini memastikan pemberi maklumat dilindungi daripada tindakan yang memudaratkan.
- Polisi ini berpandukan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] dan menjadi pelengkap kepada Sistem Aduan JKDM.

TUJUAN:

- Memberikan saluran kepada warga JKDM dan pemberi maklumat melaporkan salah laku yang melanggar undang-undang.
- Membanteras salah laku dan ketidakpatuhan terhadap undang-undang serta peraturan.
- Menjamin kerahsiaan pemberi maklumat dan melindungi mereka daripada tindakan balas seperti pemecatan, diskriminasi atau gangguan.

PEMAKAIAN:

- Polisi ini terpakai kepada semua warga JKDM dan pemegang taruh, agensi organisasi atau individu yang menyalurkan maklumat tentang salah laku.
- Tidak terpakai kepada perkara yang sedang atau telah dibincang melalui mahkamah, tribunal atau prosiding rasmi lain.

TANGGUNG JAWAB JKDM:



Menerima pendedahan kelakuan tidak wajar (KTW) daripada pemberi maklumat



Menguatkuasakan perlindungan terhadap pemberi maklumat



Menerima dan menguruskan aduan tindakan yang memudaratkan (TYM) pemberi maklumat



Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]

SIAPA YANG BOLEH MEMBERI MAKLUMAT:



Warga JKDM, Pelanggan, Pembekal, Kontraktor, Agensi atau individu lain.

SYARAT PENDEDAHAN



- Berniat Baik
- Berasaskan alasan munasabah
- Berkaitan salah laku / pelanggaran undang-undang

AMARAN



- Maklumat palsu atau berniat jahat
 - Adalah kesalahan di bawah Akta 711
 - Boleh dikenakan tindakan undang-undang
 - Perlindungan pemberi maklumat terbatal

MAKLUMAT YANG BOLEH DIDEPAHANKAN:



Maklumat berkaitan kelakuan yang tidak wajar yang boleh mendatangkan kerugian kepada jabatan, individu atau masyarakat.

PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT:



Pemberi maklumat dilindungi sepenuhnya di bawah Seksyen 7, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM 2010)



Perlindungan ini tidak menjejaskan sebarang perlindungan lain yang diperuntukkan oleh undang-undang bertulis.

SYARAT-SYARAT PERLINDUNGAN:



Perlindungan hanya diberikan bagi pendedahan salah laku atau kelakuan tidak wajar yang dilaporkan kepada JKDM.



Pemberi maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan Pegawai Diberi Kuasa sama ada di pejabat atau mana-mana tempat yang dipersetujui.



Pendedahan hendaklah berdasarkan fakta atau bukti kukuh, bukan spekulasi, dendam atau kepentingan peribadi.



Pemberi maklumat mesti bersedia dikenali dan berjumpa dengan Pegawai Diberi Kuasa.



Jika pendedahan dibuat melalui surat, emel, panggilan telefon atau pesanan ringkas, identiti dan maklumat untuk dihubungi mesti dinyatakan.



Pemberi maklumat tanpa identiti, alamat atau nombor telefon yang jelas tidak layak mendapat perlindungan.

TATACARA MEMBUAT ADUAN



Temujanji dengan Pegawai Siasatan
0388822316
whistleblower@customs.gov.my



Bersemuka dengan Pegawai Diberi Kuasa



Hadir sendiri ke Pejabat:
JABATAN KASTAM DIRAJA
MALAYSIA
Cawangan Integriti
Aras 9 Selatan, Kompleks
Kementerian Kewangan No. 3,
Persiaran Perdana, Presint 2
62596 W.P. PUTRAJAYA



Semua pendedahan harus dibuat kepada Pegawai Diberi Kuasa secara bersemuka di mana-mana tempat yang dipersetujui.

BERKUATKUASA 18 JULAI 2025



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Untuk maklumat lanjut, sila layari integriti.mpsepang.gov.my atau hubungi Unit Integriti MP Sepang melalui e-mel **integriti@mpsepang.gov.my**

SISTEM MYINTEGRITY

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

SISTEM MYINTEGRITY ialah satu platform digital dalaman Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) yang dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan tugas Unit Integriti secara lebih teratur, efisien dan bersepadu. Ia juga berfungsi sebagai pusat sehenti (*one-stop centre*) bagi segala urusan berkaitan integriti di MPSepang iaitu meliputi pengurusan aduan, aktiviti pembangunan integriti, serta pelaksanaan standard antirasuah.



SIAPA YANG BOLEH AKSES?

- Warga kerja MPSepang.



SIAPA PEGAWAI PEMANTAU?

- Yang Dipertua MPSepang.
- Unit Integriti MPSepang.



APAKAH MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK MENDAFTAR?

- ID Pekerja
- Jabatan/ Unit
- Alamat Emel
- No Kad Pengenalan

FUNGSI SISTEM MYINTEGRITY MPSEPANG

TADBIR URUS	PENGUKUHAN & PEMBUDAYAAN INTEGRITI	PENGESANAN & PENGESAHAN (P&P)	PENGURUSAN ADUAN	ISO 37001 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)	URUS SETIA LEMBAGA TATATERTIB
Menyalurkan: - Maklumat berkenaan Program Integriti. - Buku OACP MPSepang. - Buku Polisi Anti Rasuah MPSepang. - Amanat kepada Warga Kerja Untuk Mengamalkan Budaya Kerja Berintegriti. - Maklumat Pelaporan ke dalam Sistem AIMS SPRM.	- Hebahan Video Polisi Anti Rasuah. - Hebahan Video Kod Etika MPSepang. - Kursus secara atas talian. - Kursus yang telah dirakam. - Boleh diakses pada bila-bila masa. - Kuiz untuk menilai pemahaman. - Sijil penyertaan secara digital.	6 sumber aduan: - SISPAA - SPRM - PDRM - SUK, - Mesyuarat/ Arahan rasmi - Whistleblowing. - Pemantauan status tindakan aduan. - Kerjasama penyerahan prosedur/ proses kerja semasa proses P&P.	- Pengurusan aduan mengikut prosedur (mempunyai checklist). - Pemantauan jumlah aduan. - Pemantauan status aduan secara sistematik. - Statistik laporan aduan (dijana secara automatik). - Dapat mengelakkan aduan daripada tertangguh.	- Penghantaran dokumen sampel audit dalam/ inspektorat ISO ABMS secara atas talian. - Pegawai Inspektorat membuat semakan dokumen dan memberikan ulasan secara atas talian. - Sesi Inspektorat ABMS dan pemantauan dilaksanakan oleh pegawai Unit Integriti.	- Proses tindakan tatatertib adalah sistematik. - Pemantauan status tindakan tatatertib. - Mematuhi Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Sepang (Kelakuan DanTatatertib) 2023. - Pelaporan statistik dijana secara automatik.

PENCAPAIAN/ PENGIKTIRAFAN SISTEM MYINTEGRITY MPSEPANG

Juara Integriti dan Anti Rasuah kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia Tahun 2021 anjuran Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACEIO) dan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).	Pembentangan Sistem MyIntegrity di dalam Mesyuarat Bersama Ketua Unit Integriti Agensi Sektor Awam (KUI) yang dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM iaitu Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki	Anugerah Emas bagi Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) Bagi Tahun 2023 anjuran Institut Integriti Malaysia (IM)	Lawatan Penandaarasan ke MPSepang oleh 23 agensi kerajaan dan swasta di Malaysia.	Hak Cap Dagangan (Trademark) & Hak Cipta (Copyright) Sistem MyIntegrity daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) berkuatkuasa pada 15 Jun 2021	
--	---	--	---	--	---

SISTEM MYKOMBAT

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG



Komuniti Belia Anti Rasuah (KOMBAT) Majlis Perbandaran Sepang merupakan suatu inisiatif baharu daripada Unit Integriti MPSepang bagi memberikan pendidikan berkenaan anti rasuah dan pembentukan nilai integriti **husus kepada komuniti belia di dalam daerah Sepang.**

Komuniti Belia Anti Rasuah (KOMBAT) Majlis Perbandaran Sepang telah dirasmikan pada 27 November 2024 (Rabu) oleh Yang Dipertua MPSepang dan disaksikan oleh Presiden Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACEiO) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertempat di Stadium Mini, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Seterusnya, **Sistem MyKOMBAT MPSepang** adalah suatu inisiatif di bawah kepimpinan Yang Dipertua MPSepang iaitu YBrs. Dr. Ani binti Ahmad D.S.M. Sistem ini dibangunkan adalah bagi memudahkan proses pendaftaran dan komunikasi dengan Ahli KOMBAT adalah secara atas talian bagi pelaksanaan program-program kesedaran integriti dan anti rasuah di kalangan komuniti belia daerah Sepang.

KUMPULAN SASARAN KOMBAT MPSEPANG



*Inisiatif KOMBAT MPSepang adalah melalui kerjasama dan sokongan oleh Penggerak Belia Selangor (PeBS) dan agensi-agensi di dalam daerah Sepang

PROGRAM KOMBAT MPSEPANG

Program pemahaman dan kesedaran integriti dan anti rasuah melalui:



FUNGSI SISTEM MyKOMBAT MPSEPANG



APAKAH MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK MENDAFTAR?

1. Nama
2. Umur
3. Alamat Rumah & No. Cukai Taksiran
4. No. Telefon
5. Nama Sekolah (jika pelajar sekolah)
6. Nama IPTA/IPTS (sekiranya mahasiswa/i)
7. Nama Syarikat (sekiranya belia bekerja) /

SIAPA YANG BOLEH MENGAKSES SISTEM MyKOMBAT INI?

Ahli KOMBAT yang telah berjaya mendaftar sebagai Ahli KOMBAT MPSepang.

SIAPA PENTADBIR SISTEM

1. Unit Integriti MPSepang.
2. Unit Teknologi Maklumat MPSepang.

IMPAK INISIATIF PROGRAM KOMUNITI BELIA ANTI RASUAH (KOMBAT) DAN SISTEM MyKOMBAT MPSEPANG

- Pemahaman / pembudayaan berkenaan nilai integriti diri.
- Pemahaman berkenaan 4 seksyen utama di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694).
- Menggalakkan penglibatan aktif golongan belia di dalam usaha kesedaran anti rasuah.
- Menggalakkan komitmen golongan belia untuk bersama-sama membanteras rasuah.
- Mewujudkan generasi pemimpin yang membudayakan nilai integriti dan anti rasuah ke arah negara Malaysia yang maju



SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)

Untuk maklumat lanjut, sila layari mcmc.gov.my atau hubungi Unit Integriti MCMC melalui e-mel integrity.governance@mcmc.gov.my

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DAN TANGGUNGJAWAB PEKERJA SURUHANJAYA

SURUHANJAYA KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM)

POSH ialah singkatan bagi **PREVENTION OF SEXUAL HARASSMENT**, iaitu dasar pencegahan gangguan seksual di tempat kerja yang bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, hormat dan bebas daripada sebarang bentuk gangguan seksual sama ada secara lisan, fizikal, visual atau melalui komunikasi elektronik.



PUNCA KUASA	TARIKH KUATKUASA	CETUSAN IDEA
 Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Tata tertib Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2007.	 6 April 2023	 Hasil dari kes disiasat, arahan pengurusan tertinggi dan keperluan akta.

PEMBANGUNAN POLISI

- ✦ Bahagian Modal Insan (Human Capital Division)
- ✦ Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP)
- ✦ Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (IGD)
- ✦ Pengurusan MCMC (menerusi Mesyuarat Pengurusan Suruhanjaya)
- ✦ Ahli Suruhanjaya (menerusi Jawatankuasa di bawah Suruhanjaya)

AKIBAT KETIDAK PATUHAN

SKMIM berhak untuk mengambil tindakan tegas di bawah sub-Peraturan 5(2) Peraturan-Peraturan Tata tertib Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2007 serta melaporkan mana-mana pekerja yang terbukti melakukan kesalahan gangguan seksual kepada pihak polis / pihak penguatkuasaan untuk tindakan lanjut sehingga boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan atas kesalahan jenayah seksual.


TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL PENGADU

MULA

Pengadu mengalami atau percaya gangguan seksual berlaku ke atas dirinya

MULA

Pengadu mengumpul bukti dengan catatan atau rekod kejadian



Tindakan Yang Boleh Diambil Pengadu



TINDAKAN LANJUT OLEH PIHAK BERKAITAN



INSTITUT PENYELIDIKAN & KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mardi.gov.my atau hubungi Unit Integriti Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui e-mel **unitintegriti@mardi.gov.my**



PELAKSANAAN SAHABAT INTEGRITI (SI)

INSTITUT PENYELIDIKAN & KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)


“ SAHABAT INTEGRITI (SI) ”

Sahabat Integriti (SI) merupakan pegawai yang dilantik di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) MARDI sebagai *focal person* dalam usaha mewujudkan dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti. Peranan ini bertujuan memastikan seluruh warga MARDI mengamalkan budaya kerja berintegriti, sekali gus menyokong pencapaian sistem penyampaian awam yang cemerlang. SI berperanan sebagai penggerak yang memberikan sokongan kepada organisasi ke arah memperkukuh perubahan budaya integriti, membangkitkan semangat warga kerja, serta mengekalkan dan meningkatkan tahap integriti diri dalam kalangan warga MARDI.

LATAR BELAKANG PENUBUHAN SI

PUNCA KUASA	STRATEGI	INISIATIF	DILANCARKAN
Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MARDI 2021-2025	4.3 - Memastikan ketelusan dan mengukuhkan akauntabiliti	Mewujudkan Sahabat Integriti di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ)	15 Mac 2021

SIAPA YANG TERLIBAT ?



PEMILIHAN SI BERDASARKAN KRITERIA

- TARAF LANTIKAN**
Tetap dan disahkan dalam perkhidmatan.
- BEBAS DARI:**
Bebas dari tindakan tatatertib / isu integriti.
- MARKAH LNPT**
sekurang-kurangnya 85 dan ke atas bagi tempoh 3 tahun berturut-turut .
- PERILAKU**
 - Contoh tauladan pada pegawai yang lain.
 - Sentiasa bermotivasi dan bersemangat tinggi
 - Mempunyai daya pemikiran yang rasional, bersifat terbuka, berpandangan jauh dan berketerampilan
 - Mempunyai kualiti kepimpinan dan ketahanan diri yang tinggi
- KERAHSIAAN**
Mempunyai integriti diri yang tinggi seperti jujur, amanah, boleh dipercayai dan menjaga kerahsiaan

PELAKSANAAN SI



SECARA MESYUARAT BERSEMUKA atau ATAS TALIAN

IMPAK

Mencegah salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan warga kerja MARDI

Menerapkan budaya integriti serta menyemai semangat nilai-nilai murni dalam diri warga MARDI ketika melaksanakan tugas dan menyampaikan perkhidmatan awam dengan cemerlang

TEMPOH LANTIKAN
adalah selama
2 TAHUN



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)


Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mara.gov.my atau hubungi Unit Integriti MARA melalui e-mel integriti@mara.gov.my



SISTEM PERTANYAAN INTEGRITI SECARA ATAS TALIAN : ATUR (ANDA TANYA UI RESPON)

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

SISTEM PERTANYAAN INTEGRITI SECARA ATAS TALIAN atau singkatan **ATUR (Anda Tanya UI Respon)** merupakan saluran pertanyaan mesra pengguna untuk memberi ruang kepada warga kerja MARA mengemukakan sebarang persoalan berkaitan Integriti. Jawapan terhadap semua persoalan integriti akan dijawab dalam tempoh lima (5) hari bekerja.



**Dilancarkan
pada 1 Julai
2021**

→ Meningkatkan kefahaman dalam kalangan Warga MARA berkaitan integriti.

→ Meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga MARA lantas mengurangkan salah laku yang terkait dengan integriti.

→ Mengenalpasti soalan INTEGRITI yang dikemukakan oleh warga kerja bagi merangka program pengukuhan INTEGRITI secara lebih berfokus.

CARA MEMBUAT PERTANYAAN INTEGRITI



Warga kerja MARA hanya perlu mengimbas KOD QR atau klik pada pautan ATUR yang disediakan bagi membuat sebarang pertanyaan integriti kepada Unit Integriti.



Setiap persoalan akan mengambil masa dalam tempoh lima(5) hari bekerja untuk dijawab oleh pegawai berkenaan di Unit Integriti.

CARTA ALIR PROSES KERJA





ISN

INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.isn.gov.my atau hubungi Unit Integriti ISN melalui e-mel integriti@isn.gov.my



ISN

KOD BEBAS EKPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL

INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)




KOD BEBAS EKPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL merupakan polisi yang menegaskan komitmen organisasi untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, saling menghormati dan bebas daripada eksploitasi, penganiayaan dan gangguan seksual. Setiap individu berhak dilayan secara adil dan bermaruah tanpa diskriminasi. Kod ini menyokong Kod Sukan Selamat yang dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Dibangunkan dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian PO.3.1.2, Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja, akta dan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia, garis panduan antarabangsa (*United Nations*).



- Sebagai platform selamat dan telus untuk warga kerja serta pihak berkepentingan melaporkan sebarang perlakuan berkaitan pelanggaran integriti dalam kalangan warga ISN.
- Memastikan setiap aduan diuruskan dengan penuh tanggungjawab, menjaga kerahsiaan dan mematuhi prinsip keadilan.

KANDUNGAN KOD



PUNCA KUASA PELAKSANAAN

- ✓ Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
- ✓ Mesyuarat JAR ISN 2022

PENGUATKUASAAN

- ✓ Diperakukan oleh Lembaga ISN pada **18 Mei 2023**
- ✓ Dikuatkuasakan pada **20 JUN 2023**

IMPAK POSITIF



✓

Menjamin persekitaran kerja yang selamat, kondusif dan saling menghormati

✓

Meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab warga ISN serta pihak berkepentingan

✓

Melindungi mangsa dan menangani risiko salah laku

✓



Menguatkan imej dan reputasi ISN

✓

Menyokong Kod Sukan Selamat dan dasar serta undang-undang kerajaan




INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)



- Salah guna kuasa
- Memberi/menerima/meminta/menawar rasuah
- Tidak mematuhi waktu bekerja
- Penyalahgunaan dadah
- Melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran
- Pengurusan kewangan yang tidak cekap
- Keluar negara tanpa kebenaran
- Tidak jujur/tidak amanah/tidak bertanggungjawab
- Gangguan Seksual

- Pelanggaran peraturan, pekeling kerajaan dan arahan dalaman ISN
- Pelanggaran Tatakelakuan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*]
- Pelanggaran undang-undang jenayah di Malaysia
- Salah laku gangguan seksual

Telefon



BERKUATKUASA TAHUN 2018

- Aduan / maklumat berunsur rasuah atau tidak.
- Aduan / maklumat boleh diambil tindakan atau tidak.
- Orang yang ditohmah boleh dikesan / dikenal pasti atau tidak.



Pemberi maklumat akan dilindungi sekadar yang munasabah memandangkan ISN bukanlah agensi penguatkuasaan. Namun, pemberi maklumat adalah dilindungi di bawah undang-undang berikut:

- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]
- Akta SPRM 2009 [Akta 694]
- Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696]

Pengerusi Sekretariat Menilai Maklumat (SMM), Ketua Unit Integriti dan Pegawai Integriti yang dibenarkan untuk mengakses maklumat pengadu dan butiran aduan.

28



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mda.gov.my atau hubungi Unit Integriti MDA melalui e-mel **integriti@mda.com.my**

PEMERIKSAAN MENGEJUT (AP309)

PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)

PEMERIKSAAN ini merupakan pemeriksaan berkala yang dilaksanakan oleh Unit Integriti (UI) tidak kurang dari sekali **DALAM TEMPOH** enam (6) bulan setiap tahun ke atas mana-mana barang berharga.

LATAR BELAKANG

Arahan Perbendaharaan no. 309 iaitu AP 309(a) yang memberi maksud:



Ketua Jabatan hendaklah mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan,

Pegawai Pengawal hendaklah mengenal pasti jawatan Ketua Jabatan yang layak menjalankan pemeriksaan mengejut sebagaimana Perbendaharaan (AP) 3.

Ketua Jabatan tidak boleh mewakilkan kuasa dan melantik pegawai lain untuk melaksanakan pemeriksaan mengejut.



PEMERIKSAAN Dilaksanakan bermula tahun 2017

Unit Integriti telah ditugaskan untuk menjalankan tanggungjawab pemeriksaan mengejut terhadap mana-mana proses dan prosedur melibatkan tatacara kewangan.

Ketua Jabatan yang menjalankan pemeriksaan mengejut tidak dibenarkan memegang kunci peti besi.

Diperiksa Oleh:



Ketua Eksekutif
MDA
(Ketua Jabatan)




Bersama Pegawai
Integriti



Direkodkan dalam
buku Daftar
Pemeriksaan
Mengejut Am.28

CONTOH BARANG BERHARGA (PEMERIKSAAN DALAM TEMPOH 6 BULAN)



PROSES KERJA



Rancang & Kenalpasti
perkara & tarikh AP.309



Dapatkan tarikh
Ketua Eksekutif untuk
pemeriksaan
AP.309



Tamat



Laksanakan
pemeriksaan
AP.309

“KAEDAH PELAKSANAAN”

Dilaksanakan secara:

bersemuka bersama Ketua
Eksekutif dan Pegawai Integriti



IMPAK

Barang-barang berharga dan harta awam seperti wang tunai dijaga dan dikendalikan dengan selamat.



SETULUS PENGHARGAAN



Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Pegawai Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) serta semua warga Unit Integriti (UI) yang telah memberikan komitmen, kepakaran dan dedikasi dalam pembangunan Koleksi Amalan Baik Inisiatif Pencegahan Rasuah, Integriti dan Tatakelola, Unit Integriti (UI) Edisi Tahun 2025.

Kerjasama strategik dan usaha berterusan yang telah dizahirkan amat dihargai dalam memastikan kejayaan serta keberhasilan penerbitan dokumen ini.

Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada:

Unit Integriti (UI)

- | | |
|---|---|
| ◇ Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) | ◇ Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) |
| ◇ Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) | ◇ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) |
| ◇ Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) | ◇ Majlis Amanah Rakyat (MARA) |
| ◇ Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) | ◇ Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia (SKMM) |
| ◇ Jabatan Audit Negara (JAN) | ◇ Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) |
| ◇ Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP) | ◇ Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) |
| ◇ Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) | ◇ Institut Sukan Negara (ISN) |
| ◇ Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) | ◇ Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) |
| ◇ Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) | |

DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA)
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Buku ini adalah hak cipta SPRM. Semua kandungan dalam buku ini adalah koleksi amalan baik yang dibangunkan dan berkuatkuasa di organisasi - organisasi seperti mana dinyatakan dalam buku ini. Butiran lanjut mengenai amalan baik dalam dokumen ini boleh diperolehi daripada Unit Integirti (UI) organisasi berkaitan.